

13/06/2000

Seri Paduka utus tahniah

KUALA LUMPUR, Isnin - Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah mengutuskan ucapan tahniah kepada Presiden Vladimir Putin sempena Hari Kebangsaan Persekutuan Russia hari ini.

"Beta dan Raja Permaisuri Agong (Tuanku Siti Aishah) ingin mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang Terutama dan semua rakyat Persekutuan Russia," kata Seri Paduka dalam perutusan itu yang dikeluarkan oleh Wisma Putra di sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam perutusannya kepada rakan sejawatannya Mikhail Kasyanov, berkata Malaysia dan Russia telah menjalinkan kerjasama dalam banyak bidang sejak bertahun-tahun lepas.

"Adalah menjadi harapan saya bahawa hubungan ini dapat terus diperkukuhkan pada masa akan datang," katanya.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar pula berkata adalah menggembirakan untuk melihat peningkatan kerjasama di antara kedua-dua negara.